

DINB tandatangan perjanjian RM8 bilion

NURAINN AZHAR

ANAK syarikat milik penuh Kementerian Kewangan diperbadankan, DanaInfra Nasional Berhad (DINB) menandatangani perjanjian berjumlah RM8 bilion bagi Program Pembiayaan Sukuk Jaminan untuk membiayai projek Mass Rapid Transit (MRT) Sungai Buloh – Kajang (SBK).

DINB dilantik sebagai badan pembiayaan khas bagi mendapatkan sumber dana projek yang dibangunkan dan diselenggarakan MRT Corporation Sdn Bhd dengan anggaran kos keseluruhan RM30 bilion melibatkan 85 pakej.

Pegawai Utamanya, Fazlur Rahman Ebrahim berkata, dana RM8 bilion adalah bahagian pertama diberikan bagi projek itu. Sehingga kini, 33 pakej dengan nilai RM15.5 bilion telah dianugerahkan kepada kontraktor.



Fazlur (tiga kiri) selepas menandatangani perjanjian dengan beberapa bank yang dilantik.

“Penerbitan sulung DINB akan menjadi Program Nota Jangka Sederhana Islamik melibatkan kos sehingga RM2.4 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM1 bilion adalah untuk pinjaman penyambung manakala bakinya RM1.4 bilion bagi menampung projek ini.

“Kos sebenar bagi projek MRT SBK ini hanya akan diketahui selepas 52 pakej se-

lebihnya dianugerahkan kepada kontraktor menjelang hujung tahun ini,” katanya pada majlis tandatangan perjanjian Kertas Komersial Islamik/Program Nota Jangka Pendek Islamik di Kuala Lumpur.

Fazlur berkata, DINB telah melantik empat bank sebagai Pengatur Utama Bersama (JLA) termasuk AmInvestment Bank Berhad, CIMB Investment Bank

Berhad, Maybank Investment Bank Berhad dan RHB Investment Bank Berhad.

Katanya, bagi Pengurus Utama Bersama (JLM), antara bank tersenarai bagi program pembiayaan termasuk Affin Investment Bank Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, Hong Leong Islamic Bank Berhad, HSBC Bank Berhad dan Standard Chartered Bank Berhad.